

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 05/02/2018

Sembah Ucapan Menjunjung Kasih Sempena Keberangkatan KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V ke Jabatan Perdana Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

1. *Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke Lima Belas, Sultan Muhammad Ke Lima.*

Ampun Tuanku,

2. *Didahulukan segalanya, patik mengangkat puji-pujian dan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, yang telah memberi izin dan limpahan kurnia-Nya kepada patik-patik sekalian, sehingga dapat berhimpun sempena menyambut keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Jabatan Perdana Menteri.*
3. *Bagi bermukadimah bicara, patik mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perdana Menteri serta seluruh warga Jabatan Perdana Menteri merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di atas limpah perkenan untuk mencemar duli berangkat ke Jabatan Perdana Menteri.*

Ampun Tuanku,

4. *Patik mewakili Jabatan Perdana Menteri juga mohon perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk turut mengalu-alukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-*

menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perdana Menteri yang turut hadir dalam majlis ini.

Ampun Tuanku,

5. *Patik sesungguhnya dapat merasakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku memang mempunyai keprihatinan dan hasrat yang tinggi untuk mengenali lebih jauh jentera pentadbiran Kerajaan. Telahan patik bermula apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan untuk berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Penjawat Awam pada 20 Jun tahun lepas. Ia diikuti seterusnya, apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah untuk berangkat ke Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi mengetahui sendiri perjalanan serta fungsi sesebuah Kementerian ataupun Jabatan. Dalam hubungan ini patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan dan menjadikan Jabatan Perdana Menteri sebagai destinasi pertama lawatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.*
6. *Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari ini akan tersimpan menjadi lembaran sejarah yang termaktub, memandangkan Jabatan Perdana Menteri hanyalah dikunjungi buat kali terakhirnya pada tahun 2007 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke Tiga Belas pada ketika itu.*

Tanam padi di tengah bendang

Padi dituai bersyukur lah nikmat

Raja kita datang bertandang

Membawa berkat membawa rahmat

Ampun Tuanku,

7. *Sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan yang diamalkan sejak sekian lama telah menyaksikan bagaimana kesepaduan di antara institusi Seri Paduka Baginda Yang di-*

Pertuan Agong dan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain dan menjadi simbol keamanan, kemajuan dan kemakmuran. Ia juga telah berfungsi dengan amat berkesan bagi membina Negara sebagaimana yang dapat kita saksikan sekarang. Institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga merupakan tonggak dan lambang kedaulatan institusi beraja di Malaysia, yang merupakan kepala negara dan lambang taat setia seluruh rakyat jelata.

8. *Dalam hubungan ini, patik sukacita juga memaklumkan bahawa sepanjang berkhidmat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, patik mengenali beliau sebagai seorang pemimpin yang berwawasan, berinovasi dan berjiwa rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memperingatkan dan mencabar penjawat awam untuk mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Pelbagai inisiatif, pembaharuan dan langkah proaktif telah diperkenalkan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini akan berterusan khususnya untuk mencapai matlamat bagi merealisasikan agenda TN50. Oleh yang demikian, patik dan seluruh penjawat awam amnya dan warga Jabatan Perdana Menteri khasnya akan memastikan hubungan secara simbiosis di antara Institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jentera pentadbiran Kerajaan dan rakyat jelata akan terus terpelihara dan kekal selama-lamanya.*

Ampun Tuanku,

9. *Sukacita juga patik memaklumkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri akan menyampaikan sembah taklimat yang lebih menyeluruh berkenaan Jabatan Perdana Menteri selanjutnya nanti. Sehubungan dengan itu, patik amat berbesar hati dan mengalu-alukan sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku nanti mempunyai titah nasihat atau berhasrat untuk mendapat penerangan lebih lanjut khususnya berhubung struktur, fungsi mahupun sebarang perkara berkaitan Jabatan Perdana Menteri. Mudah-mudahan dengan keberangkatan serta titah nasihat oleh Kebawah Duli Yang*

Maha Mulia Tuanku akan menjadi pedoman dan panduan bagi patik-patik sekalian melaksana dan melunaskan tugas-tugas bagi membangunkan Negara tercinta ini.

Ampun Tuanku,

10. Akhir bicara, patik mewakili hadirin sekalian sekali lagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Jabatan Perdana Menteri dan mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus dikurniakan taufik dan hidayah, dilanjutkan usia zaman untuk bersemayam di atas takhta pemerintahan Negara. Moga-moga Allah Taa'la mendatang-datangkan rahmat bahagia dan melimpah-limpahkan kurniaNya kepada Kebawah Dulia Yang Maha Mulia Tuanku dan Negara Malaysia.

Tetak rebung panjangnya sepuluh

Pucuk dipetik di tepi air

Angkat tangan jejari sepuluh

Sembah patik sudah ke akhir

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja sembah ucapan patik.

Wassalamualaikum Warahmatullahi W

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19214/Sembah-Ucapan-Menjunjung-Kasih-Sempena-Keberangkatan-KDYMM-SPB-Yang-di-Pertuan-Agong-XV-Sultan-Muhammad-V-ke-Jabatan-Perdana-Menteri>